

PERANAN PENDIDIKAN IMAN KEPADA PARA RASUL DALAM MEMBINA GENERASI RABBANI ABAD 21

THE ROLE OF FAITH EDUCATION IN THE PROPHETS IN DEVELOPING A RABBANI GENERATION FOR THE 21ST CENTURY

Safiah Abd Razak^{1*}
Yunan bin Abdul Samad²
Mohd. Hasmimie Mohd Yusof³

¹ Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Km 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang MALAYSIA E-mail: safiah@unipsas.edu.my,

² Hal Ehwal Agama, Pejabat Menteri Besar Negeri Pahang.

³ ¹ Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Km 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang MALAYSIA E-mail: Hasmimie@unipsas.edu.com.

Article history

Received date : 12-11-2025

Revised date : 13-11-2025

Accepted date : 22-12-2025

Published date : 29-12-2025

To cite this document:

Abd Razak, S., Abdul Samad, Y., & Mohd Yusof, M. H. (2025). Peranan pendidikan iman kepada para Rasul dalam membina generasi Rabbani abad 21. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 396 – 412.

Abstrak: Keimanan kepada para rasul merupakan salah satu aspek utama dalam pendidikan akidah Islam. Pendidikan Islam yang lengkap adalah berteraskan kepada ketauhidan serta berpaksikan rukun iman yang enam. Dalam konteks abad ke-21 yang penuh dengan cabaran globalisasi, sekularisasi dan krisis nilai kemanusiaan, pendidikan iman kepada para rasul dilihat memberikab sumbangan dalam membina generasi rabbani yang seimbang dari segi intelektual, rohani dan akhlak. Keimanan kepada para rasul mempunyai potensi bagi membina generasi rabbani abad 21. Kajian ini bertujuan membincangkan peranan pendidikan keimanan kepada para rasul dalam membentuk insan rabbani khususnya generasi rabbani umat Islam abad 21 yang sangat mencabar. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif yang mengaplikasi kaedah analisis dokumen. Data-data dikumpul daripada kamus, buku, jurnal, kajian ilmiah dan ensiklopedia. Dapatan kajian merumuskan bahawa terdapat beberapa elemen yang wujud pada diri seorang Muslim kesan daripada penghayatan iman kepada para rasul. Elemen utama yang dapat digarap melalui kekuatan iman kepada rasul adalah penyuburan nilai akhlak dan ketaqwaan, pemerkasaan semangat dakwah dan pemantapan daya tahan menghadapi cabaran zaman moden, pengukuhan nilai kepimpinan positif dan pemerkasaan penyucian jiwa. Elemen-elemen positif yang terbina dalam diri seorang Mukmin akhirnya berpotensi membentuk generasi rabbani yang menyumbang kepada kebaikan ummah. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat agar lebih menghayati nilai iman kepada para rasul, membina kesedaran masyarakat akan kepentingan mengukuhkan pendidikan iman kepada para rasul seterusnya membantu masyarakat khususnya generasi muda mendepani cabaran abad ke 21.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Pendidikan Iman, Iman kepada Rasul. Generasi Rabbani, abad 21.

Abstract: *Faith in the prophets is one of the core components of Islamic creed education. A comprehensive Islamic education is founded upon monotheism (tawhid) and anchored in the six articles of faith. In the context of the 21st century characterized by the challenges of globalization, secularization, and a crisis of human values education that nurtures faith in the prophets is seen as contributing significantly to the development of a balanced Rabbani generation in terms of intellectual, spiritual, and moral dimensions. Faith in the prophets holds great potential in shaping a Rabbani generation for the 21st century. This study aims to discuss the role of faith education in the prophets in forming Rabbani individuals, particularly among the Muslim generation facing the demanding challenges of the 21st century. The study adopts a qualitative research approach through document analysis. Data were collected from books, dictionaries, journals, scholarly studies, and encyclopedias. The findings indicate that several elements emerge within a Muslim as a result of internalizing faith in the prophets. Key elements cultivated through strong faith in the prophets include the enhancement of moral values and piety, the empowerment of da'wah spirit, strengthening resilience in facing modern challenges, reinforcing positive leadership values, and fostering spiritual purification. These positive elements developed within a believer have the potential to form a Rabbani generation that contributes to the well-being of the ummah. This study is expected to contribute to society by encouraging deeper appreciation of faith in the prophets, raising public awareness of the importance of strengthening faith-based education related to the prophets, and assisting society especially the younger generation in confronting the challenges of the 21st century.*

Keywords: *Islamic Education, Faith Education, Faith in the Messengers, Rabbani Generation, 21st Century*

Pengenalan

Pendidikan akidah atau keimanan kepada para rasul merupakan antara cabang penting dalam pendidikan Islam. Matlamat pendidikan akidah adalah membentuk individu Muslim yang yakin, teguh iman serta tunduk patuh kepada Allah SWT. Islam memberikan keutamaan terhadap pendidikan akidah kerana akidah akan menjadi benteng seorang Mukmin daripada sebarang kekeliruan dan fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam. Akidah Islam membekalkan kekuatan untuk seorang Mukmin berdepan dengan apa jua cabaran mendatang. Abad 21 merupakan zaman yang sangat mencabar yang perlu dilalui oleh seluruh umat manusia termasuk umat Islam. Gambaran abad ini ditandai oleh kehebatan pencapaian sains dan teknologi manusia, kepantasan komunikasi, dunia globalisasi serta yang terkini kecerdasan buatan (*Artificial Intelligent*) (Nuruddin, 2022). Meskipun pelbagai kemudahan dan kemajuan dapat dimanfaatkan oleh umat Islam pada abad 21, namun terdapat juga aspek negatif yang memberi kesan buruk dan menghambat usaha pembangunan modal insan dan kesejahteraan hidup. Generasi moden masa kini berdepan pelbagai krisis seperti jenayah membunuh, zina dan pergaulan bebas, hiburan mlampau, derhaka kepada ibu bapa, membuli dan sebagainya. Akibatnya Nilai-nilai rabbani seperti taqwa, sabar, cinta akhirat dan sebagainya terhakis dari diri generasi muda. Situasi membimbangkan ini memerlukan penyelesaian segera agar kerosakan yang wujud tidak berterusan dan akhirnya meruntuhkan jati diri dan keimanan ummah. Salah satu penyelesaiannya adalah pengukuhan pendidikan keimanan kepada para rasul. Keutuhan pendidikan akidah hakikatnya merupakan jaminan kepada keupayaan umat Islam hari ini untuk mendepani apa sahaja cabaran zaman termasuklah cabaran dunia pada abad 21. Usaha mendidik dan mentarbiah masyarakat Islam melalui pengukuhan iman sehingga menjadi insan rabbani adalah amat penting bagi mendepani cabaran abad 21 yang sangat mencabar hari ini.

Penyataan Masalah

Fenomena kelemahan pegangan akidah dan keruntuhan akhlak generasi muda hari ini hakikatnya menghambat usaha membangunkan modal insan rabbani sebagai pemacu kegemilangan ummah. (Azizan et al., 2021) dalam kajian memetik pendapat Mariam (2019) dan Marazhanlaily (2017) yang merumuskan bahawa perkembangan pesat teknologi menyebabkan video dan filem porno secara berleluasa. Mereka menonton video bersama pasangan sehingga terdorong untuk melakukan penzinaan. Pengaruh media massa dan persekitaran turut menjadi penyumbang terbesar kepada keruntuhan akhlak remaja. Zaman serba moden ini terdapat pelbagai taktik atau cara yang lebih kompleks digunakan untuk merosakkan jiwa dan fikiran remaja, khususnya remaja Islam. Rancangan hiburan yang keterlaluan aksinya sehingga menjatuhkan maruah dan harga diri sebagai wanita Islam. Seinggakan aksi berpelukan antara wanita dan lelaki Islam dianggap sebagai perkara biasa dalam kalangan masyarakat. Sedangkan ianya adalah larangan dalam agama. Raudhatusaofwah dan Kamarul Azmi dalam kajiannya menjelaskan bahawa teknologi moden masa kini menjadikan golongan muda golongan muda terutamanya akan mengalami kecelaruan dalam membina sikap dan jati diri sendiri. Ini kerana golongan ini akan mudah terpengaruh sehingga mereka ragu-ragu dan keliru antara persimpangan kebaikan dan keburukan. (Ruzairi & Jasmi, n.d.) (Ab Rashid et al., 2019) dalam kajiannya menyimpulkan bahawa rangkaian internet hasil pencapaian teknologi moden menyediakan maklumat negatif seperti rakaman aksi keganasan yang melampau, pornografi, hasutan yang negatif dan sebagainya. Situasi ini mengganggu pembentukan jati diri generasi muda yang diharapkan.

Objektif Kajian

Objektif Kajian adalah seperti berikut :

1. Mengkaji konsep pendidikan Iman kepada para rasul.
2. Mengenali pasti cabaran zaman moden yang wujud di abad 21
3. Menganalisis elemen utama pendidikan iman kepada rasul yang berfungsi membina generasi rabbani.

Metodologi

Pendekatan kajian adalah kualitatif yang mengaplikasi analisis dokumen. Metodologi ini selaras dengan pandangan Bowen (2009) mengenai document analysis sebagai instrumen sah dalam penyelidikan sosial, khususnya untuk kajian yang menilai dokumen normatif, undang-undang, dan teks falsafah. Data-data dikumpulkan melalui buku, artikel jurnal, kertas prosiding, kamus dan sebagainya.

Pendidikan Islam Dan Cabaran Abad 21

Pendidikan Islam adalah perkara penting yang menjadi tonggak pembangunan insan dalam Islam. Tujuan Pendidikan Islam adalah melahirkan hamba Allah yang bertakwa kepada-Nya, serta dapat mencapai kebahagiaan hidup di dunia maupun di akhirat. Pendidikan pada hakikatnya adalah proses pendidikan yang didasari oleh nilai-nilai Islam di dalam al-Qur'an dan al-Hadis (Ujang Suyuti et al, 2022) Pendidikan dalam Islam bermatlamat ke arah pembentukan individu yang sempurna dari segi pertambahan ilmu, pembentukan akhlak dan pembinaan rohani (Sahrin & Ghani, 2022)

Dalam Islam, *tarbiyyah* memberi fokus peranan *murabbi* sebagai pendidik yang bukan sahaja menyalurkan ilmu kepada pelajar, tetapi pada masa yang sama memberikan pendidikan rohani, jasmani, ketrampilan diri dan intelektual untuk dihayati dan mengamalkan ilmu yang telah dipelajari. tanggungjawab *murabbi* terhadap pendidikan rabbani menyebabkan ia menjadi satu amanah dan tanggungjawab berat yang hanya mampu ditanggung oleh guru yang benar-benar

ikhlas dan tekun. Peranan guru sebagai *murabbi banyak dibahaskan* oleh para sarjana seperti al-Ghazali, Abdullah Nasih Ulwan, al-Hammadi, al-Hafiz Suwaid (Norliza, et al 2021) (Ujang Sayuti, 2022)

Abd Rahman (2016) mendefinisikan *Muaddib* sebagai golongan yang mampu menyemai nilai sahsiah mulia dalam pembangunan tamadun insani, *Murabbi* iaitu berpengetahuan dalam psikologikal Islami, *Mursyid* ialah individu berkaliber dalam mengurus dan memimpin sosio emosi dengan kondusif dan *Mualim pula ialah individu yang meneroka* sesuatu maklumat dan ilmu pengetahuan untuk disajikan kepada pelajarannya. Mohd. Rashidi Omar dan Afiqah Ahmad Damahuri (2021) menjelaskan bahawa pendidik atau guru yang menghayati maksud *muaddib* akan berperanan membaiki akhlak pelajarannya kerana "*Muaddib*" (*addaba, yaaddibu, ta'diban*) yang membawa maksud penyucian atau membersihkan seseorang daripada kotoran. *Muaddib* merupakan tindakan pendidik mendidik pelajar melalui akhlak yang baik daripada hanya penyampaian secara teori sahaja (Ibrahim & Yasin, 2022)

Abdullah dalam muzakarah antarabangsa pendidikan Islam telah menyimpulkan konsep pendidikan sebagai *at-Tarbiyyah*, *at-Ta'dib* dan *at-Ta'lim* secara bersama. *Ta'lim* menekankan kepada ilmu, *tarbiyyah* pula menekankan kepada pembangunan diri, manakala *ta'dib* pula menekankan kepada penerapan adab. (Abdullah et al., 2021) Ini bertepatan dengan kajian Othman yang merumuskan bahawa Falsafah Pendidikan Islam menekankan konsep pendidikan sepanjang hayat, keyakinan kepada Allah swt melalui pengabdian dan kekhalifahan, pembangunan roh, minda dan fizikal sebagai satu unit yang mencakupi aspek kognitif, efektif dan kebolehan membuat keputusan untuk diri sendiri, membawa keamanan kepada dunia, mengintegrasikan antara ilmu, iman dan amal serta kebahagiaan di dunia dan akhirat (Othman, 2019)

Di Malaysia, pendidikan Islam sememangnya diberi perhatian penting. Matlamatnya adalah untuk membentuk generasi muda dan warganegara yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh kepada syariat Islam. Merujuk kepada definisi dan konsep Pendidikan Islam menurut cendekiawan Islam sebagaimana berikut:-

"Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat."

(Kementerian Pendidikan Malaysia 2015)

(A. Nawawi et al., 2023) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pada tahun 1957, Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan dan ini merupakan titik permulaan perhatian diberikan kepada Pendidikan Islam yang mana kerajaan telah menguatkuasakan satu akta berdasarkan laporan Rahman Talib. Di dalam akta tersebut, pendidikan agama Islam kepada murid-murid agama Islam adalah diwajibkan di setiap sekolah yang mana murid-murid beragama Islam berjumlah 15 orang atau lebih. Seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia 2015 dalam halatujunya menyatakan bahawa Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dituntut dan memikul tanggungjawab besar untuk meneroka penyelesaian masalah lebih mendalam dan kritis menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang bersifat futuristik dan global agar dapat menghasilkan anak didik yang baik dan cemerlang. Antara matlamat

pendidikan Islam juga adalah membentuk akhlak mulia. Akhlak merupakan aspek paling penting dalam penilaian diri seorang manusia. Walau bagaimanapun, untuk mempunyai adab dan akhlak yang mulia seseorang perlu melalui proses pendidikan, pengasuhan dan pembiasaan kerana akhlak tidak bersifat tetap malah boleh berubah. Secara umumnya pendidikan Islam merangkumi pendidikan Iman atau akidah, pendidikan syariah dan pendidikan akhlak berasaskan al Quran dan Sunnah Nabi SAW.

Pendidikan Abad 21 adalah gambaran dunia yang merangkumi simulasi dan realiti maya yang bersedia menyediakan maklumat visual, integrasi sistem dunia fizikal dan dunia maya, industri *Internet of Things* (IoT) atau Internet kebendaan dalam semua aspek kehidupan seharian. Abad ini turut mencipta pelbagai jenis robot yang berupaya bertindak segera, cepat dan cekap, minima kesilapan, kaya dengan data yang menjadi keperluan manusia (Arda, 2020). Realitinya meskipun pencapaian pada abad 21 banyak memberikan kemudahan kepada masyarakat manusia masa kini termasuk umat Islam, namun banyak juga impak buruk yang jika tidak ditangani dengan keteguhan iman akan mengundang kerosakan dan kemusnahan kepada ummah.

Pencapaian teknologi tinggi pada Abad 21 hakikatnya menjadi cabaran besar kepada pendidikan ummah. Noor Hisham dalam kajiannya menjelaskan bahawa antara cabaran terbesar khususnya tiga abad terakhir kepada sistem pendidikan umat Islam ialah faham sekularisme dan dualisme yang meresap masuk ke dalam bidang pendidikan. Impaknya kepada sistem pendidikan umat adalah sangat dahsyat. Umat Islam sekarang sedang mengotakkan kehidupan dan pendidikan mereka kepada dua aliran terpisah yang tidak sepatutnya berlaku iaitu kotak agama dan kotak kehidupan. (N. H. M. Nawi, 2012) Manakala (Tamuri & Hussin, 2017) dalam kajiannya merumuskan terdapat dua cabaran utama yang perlu ditangani oleh para pendidik iaitu pertamanya jurang persepsi dan ilmu antara guru dengan generasi dan keduanya adalah pembangunan akidah yang sahih dalam kalangan generasi muda. Kesan daripada longgarnya falsafah dan dasar yang mengakari sistem pendidikan Islam hari ini maka impaknya kepada lahir generasi yang lemah pegangan Islam dan jati diri mereka.

Kajian oleh Norliza Hamzah (2021) seterusnya menjelaskan bahawa matlamat dan hala tuju masyarakat hari ini tersasar dari landasan Islam disebabkan sering terdedah dengan pelbagai maklumat yang kurang tepat, palsu, menyeleweng, merosakkan minda dan mengakibatkan sejumlah anggota masyarakat hilang jati diri serta keperibadian akhlak yang mulia. Zuraimy Ali et.al (2022) dalam kajiannya turut merumuskan bahawa sebahagian besar umat Islam masa kini terjebak dengan pelbagai budaya sosial dan gejala negatif daripada Barat. Malahan budaya yang datang daripada dunia Barat selalu dianggap suatu kemajuan yang perlu dicontohi dan apa yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu Islam dianggap suatu perkara yang mundur dan ketinggalan zaman. Fenomena ini akan meruntuhkan iman dan pegangan agama masyarakat Islam.

Seterusnya kajian oleh Mat Hussin et al., (2023) merumuskan bahawa krisis akidah dan pemikiran Islam di Malaysia kian mencabar dan membimbangkan. Isu-isu seperti liberalisme, pluralisme agama dan pemikiran ekstremis termasuk isu-isu hak asasi yang melampau dan meluasnya ajaran sesat boleh mengancam akidah umat Islam di Malaysia sekiranya tidak dikawal. Masalah seperti sekularisme, liberalisme dan sebagainya menjadi satu ancaman yang amat berbahaya kepada masyarakat Islam. Ia perlu dihadapi dan ditangani dengan berkesan agar masyarakat tidak terjerumus ke jalan yang sesat. (Darawi & Kamarudin, 2018)

Sazanah & Ahmad Zamzuri (2020) dalam kajiannya menjelaskan bahawa kecanggihan teknologi abad 21 membantu penyebaran video berunsur keganasan, kekejaman, hiburan, sebaran fitnah dan pembulian siber. Dalam masa yang sama teknologi dengan ciri IR 4.0 dan IR 5.0 menjadi punca meluasnya maklumat yang merosakkan iman dan agama sehingga meningkatnya rasa cinta kepada dunia dan sekaligus melupakan bekalan ke hari akhirat. Pandangan ini disokong oleh kajian Norliza et. al, (2021) Ainul Mardziah Zulkifli, (2018) yang menjelaskan bahawa pengetahuan generasi muda pelajar tentang tentang kepentingan beradab dan berkeperibadian mulia semakin lama semakin terhakis akibat lambakan nilai-nilai negatif yang mudah didapati dalam media sosial zaman moden.

Muhamad Zaki & Syed Salim, (2022) dalam kajiannya merumuskan bahawa jalan penyelesaian bagi mendepani cabaran delikueni remaja generasi Z iaitu generasi kelahiran abad 21 adalah melalui sistem pendidikan Islam. Asas kepada pendidikan dan tarbiah Islamiah adalah ilmu akidah. Tujuan utama pendidikan Islam adalah pembengunan rohani dan spiritual. Kamus Dewan edisi keempat menyatakan kalimah “rabbani” bermaksud “yang berkaitan dengan Tuhan (Allah) manakala menurut Mu’jam al-Wasit “rabbani” turut memberi pengertian “yang mengabdikan diri kepada Tuhan disertai ilmu yang sempurna serta beramal dengannya”. Menurut Sa’id Hawwa, kriteria muslim rabbani ialah mereka yang berilmu, mengabdikan diri kepada Allah serta bersifat zuhud.

Kamus Dewan edisi keempat menyatakan kalimah “rabbani” bermaksud “yang berkaitan dengan Tuhan (Allah) manakala menurut Mu’jam al-Wasit “rabbani” turut memberi pengertian “yang mengabdikan diri kepada Tuhan disertai ilmu yang sempurna serta beramal dengannya”. Menurut Sa’id Hawwa, kriteria muslim rabbani ialah mereka yang berilmu, mengabdikan diri kepada Allah serta bersifat zuhud.

Generasi rabbani merujuk kepada generasi yang memiliki ciri-ciri terbaik iaitu akhlak yang baik, taat kepada ajaran agama, serta senantiasa berusaha untuk mengikuti petunjuk Allah dalam setiap aspek kehidupannya. Kata "rabbani" sendiri berasal dari kata "rabb" yang berarti Tuhan (Allah), dan "-ani" yang bermaksud yang berkaitan atau berhubungan. Secara harfiah, "rabbani" berarti bertindak atau beramal berdasarkan petunjuk dan perintah Allah SWT. Menurut Kamus Dewan, rabbani bermaksud mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan ilmu yang sempurna disertai dengan beramal dengan ilmu tersebut (Wan Abdul Rahman, et.al 2023)

Kesimpulannya, umat Islam berhadapan cabaran besar pada abad 21 untuk membina dan melahirkan generasi rabbani. Langkah dan strategi perlu diatur agar umat Islam dapat mendepani cabaran pendidikan ini dengan penuh kesungguhan dan mujahadah.

Konsep Pendidikan Iman Kepada Para Rasul

Kalimah akidah pula berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *i'tiqada*, *ya'taqidu*, *i'tiqad* yang bermaksud ikatan atau simpulan. Akidah dari segi bahasa ialah ikatan, pengesahan, penguatan, berpegang kepada sesuatu, pengukuhan, keyakinan ataupun penetapan. Akidah dengan makna ini juga disebut iman iaitu satu kepercayaan yang tersimpul kukuh dalam jiwa sehingga tidak boleh terungkaik sama sekali. (Azmil Zainal Abidin, 2017) (Osman et al., 2020) Sementara itu, akidah dari sudut istilah pula ialah kepercayaan yang pasti dan keputusan yang muktamad tidak bercampur dengan syak atau keraguan pada pegangan akidahnya. Ucapan lisan tidak termasuk dalam keyakinan hati kerana orang munafik mengucapkan syahadah pada mulut sahaja, maka itu tidak dianggap akidah. Akidah merupakan keyakinan kuat yang dibenarkan

hati dan dibuktikan dengan amal perbuatan. Akidah yang utuh bukan sebuah keraguan. Akidah yang sah adalah akidah yang seiring dengan kenyataan dan kebenaran (Rahman et al., n.d.)

Akidah dari segi istilah juga bermaksud ialah keimanan terhadap Allah, beriman dengan adanya malaikat, kitab-kitab, para rasul, hari akhirat dan beriman dengan taqdir Allah sama ada baik atau buruk termasuk juga segala apa yang datang dari Allah. (Sallam et al., 2021) Beriman kepada para rasul menuntut seorang Muslim percaya dan yakin tanpa ragu bahawa Allah SWT telah mengutus para rasul untuk membimbing manusia kepada ajaran Allah.

Para nabi merupakan orang yang diberi wahyu (ajaran Islam yang mengandungi peraturan tertentu) oleh Allah SWT. sebagai panduan hidup, sementara rasul pula adalah nabi yang diperintahkan Allah SWT. untuk menyampaikan wahyu tersebut kepada manusia pada zamannya. (Nuh Ali Salman, 2021) Rasul dan nabi terakhir ialah Nabi Muhammad yang ditugaskan untuk menyampaikan Islam dan peraturan yang khusus kepada manusia di zamannya sehingga hari kiamat. Sebagai seorang Islam, perlu patuh kepada rukun iman yang keempat iaitu percaya kepada para nabi dan para rasul. Tidak diketahui berapakah jumlah para nabi tetapi adalah dianggarkan mereka berjumlah lebih kurang 124,000 orang manakala para rasul pula dianggarkan berjumlah 313 orang.

Maksud beriman secara umum kepada nabi dan rasul ialah bahawa kita membenarkan secara bersungguh-sungguh, bahawa Allah SWT. mengutus para Rasul-Nya bagi mendidik dan membimbing manusia dalam urusan kehidupan mereka. Ia adalah salah satu daripada kebijaksanaan Allah SWT. Yang Maha Lembut, bahawa Dia tidak akan membiarka hamba-Nya lepas bebas tanpa pembimbing, tetapi diutuskan-Nya para Rasul kepada mereka untuk memberi khabar gembira dan khabar ancaman (Nuh Ali Salman, 2021)

Perutusan dan kepimpinan yang diamanahkan kepada mereka merupakan tugas mulia untuk menyelamatkan umat manusia daripada kesesatan dengan diturunkan syariat oleh Allah. (Dar al-Ifta' 2020) Secara ringkas tugas dan tanggungjawab para rasul adalah :-

1. Menunjukkan jalan untuk mengenal Allah SWT dan cara beribadah kepadaNya.
2. Mengingatkan manusia tentang keagungan dan kebesaran Allah zat yang memiliki dan menguasai alam semesta.
3. Menyampaikan kepada manusia tentang perkara-perkara ghaib atau *sam'iyat* yang tidak diketahui manusia umum.
4. Mengajar dan membimbing manusia hal-hal berkaitan kehidupan seharian berdasarkan aturan yang telah ditetapkan.
5. Memutuskan masalah perselisihan akal manusia yang menurut hawa nafsu dalam perkara semasa. (Shamsol Mohd Nor, 2019)

Semua manusia beriman secara tafsili (terperinci) terhadap rasul-rasul yang nama-namanya telah disebutkan oleh Allah SWT. di dalam kitab-Nya. Di samping itu wajib kita beriman secara ijmal, bahawa Allah SWT juga telah mengutus para rasul dan nabi-Nya selain daripada mereka, yang tiada seorang pun mengetahui jumlahnya kecuali Allah SWT sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran.

Maksudnya :

“Dan (Kami telah mengutus) Rasul-rasul yang telah Kami ceritakan kepadamu (Muhammad) tentang mereka sebelum ini, dan Rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan tentang mereka kepadamu.”

(Surah al-Nisa' : ayat 164)

Para Rasul juga wajib dihormati tanpa membeza-bezakan mereka di antara satu sama lainnya. Kita juga wajib mengikuti petunjuk atau pengajaran yang mereka berikan, mengerjakan yang disuruh menegah apa yang dilarang, wajib juga meyakini bahawa mereka adalah makhluk yang paling sempurna dalam ilmu, pengalaman, kejujuran, kebaikan dan kesempurnaan peribadi. Terdapat banyak nas-nas al-Quran yang membuktikan demikian, di antara firman Allah SWT yang bermaksud :

"Muhammad itu hanyalah seorang Rasul. Sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa Rasul. Apakah ia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (menjadi murtad)? Barangsiapa yang berbalik ke belakang maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah SWT. sedikitpun."

(Surah ali Imran : ayat 144)

"Rasul-rasul itu Kami lebihkan sebahagian yang lain. Di antara mereka ada yang Allah SWT. berkata-kata (langsung dengan mereka) dan sebahagian lain pula Allah SWT. meninggikan mereka beberapa darjat. Dan Kami berikan kepada Isa putera Maryam beberapa mukjizat serta Kami memperkuatkan dia dengan roh al-quds (Malaikat Jibril)."

(Surah al-Baqarah : ayat 253)

Semua manusia wajib membenarkan mereka, kerana mereka menyampaikan segalayang telah diutus (diwahyukan) kepadanya sesuai dengan apa yang diperintahkan Allah SWT. kepada mereka secara terperinci.. Sesiapa yang mentaati rasul bererti dia mentaati Allah SWT sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesiapa yang taat kepada Rasul maka bererti ia telah taat kepada Allah SWT."

(Surah al-Nisa' : ayat 80)

Semua manusia wajib percaya bahawa Rasul itu terpelihara daripada segala sifat dusta, khianat dan menyembunyikan kebenaran. Mereka juga terpelihara daripada segala dosa-dosa besar, manakala dalam hal dosa-dosa kecil pula ada kemungkinan hal itu terjadi, yang dapat kita lihat dalam al-Quran dan hadis tetapi mereka tidak melakukan perkara itu berulang-ulang, bahkan mereka segera kembali bertaubat kepada Allah SWT. (Iman al-Sanusi, 895H)

Selain daripada itu, para Rasul juga wajib dihormati tanpa membeza-bezakan mereka di antara satu sama lainnya. Kita juga wajib mengikuti petunjuk atau pengajaran yang mereka berikan, mengerjakan yang disuruh menegah apa yang dilarang, wajib juga meyakini bahawa mereka adalah makhluk yang paling sempurna dalam ilmu, pengalaman, kejujuran, kebaikan dan kesempurnaan peribadi. Kita dapati banyak nas-nas al-Quran yang membuktikan demikian, di antara firman Allah SWT. :

Maksudnya :

"Muhammad itu hanyalah seorang Rasul. Sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa Rasul. Apakah ia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (menjadi murtad)? Barangsiapa yang berbalik ke belakang maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah SWT. sedikitpun."

(Surah ali Imran : ayat 144)

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

” Dan Kami sekali-kali tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu, melainkan merekamemakan dan berjalan- jalan di pasar”.

(Surah al-Furqan : ayat 20)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

”Dan sesungguhnya Kami telah mengutus beberapa orang Rasul sebelum kamu (wahai Muhammad) dan Kami memberikan kepada mereka isteri-isteri dan keturunan.”

(Surah al -Ra'd : ayat 38)

Sabda Rasulullah s.a.w. :

... ولكنني أصوم وأفطر وأصلي وأرقد وأتزوج النساء ...

Maksudnya :

” Akan tetapi, saya berpuasa dan kadang tidak berpuasa, saya melakukan sembahyang (di waktu malam), dan saya tidur dan saya berkahwin dengan perempuan- perempuan...”

Setiap manusia wajib beriman bahawa para Rasul tidak memiliki sesuatu pun dari sifat-sifat ketuhanan. Mereka tidak mempunyai kekuasaan mentadbir alam ini, tidak kuasa mendatangkan manfaat dan mudarat, tidak boleh mempengaruhi pada kehendak/iradah Allah SWT., tidak mengetahui perkara-perkara ghaib melainkan apa yang Allah SWT. menampakkan kepada mereka (Shamsul Mohd Nor, 2019) Firman Allah SWT yang bermaksud:

”Katakanlah (wahai Muhammad), aku tidak kuasa menarik kemanfaatan bagi diriku dan tidak (pula) menolak kemudaratannya kecuali apa yang dikehendaki oleh Allah SWT.. Dan sekiranya aku mengetahui perkara-perkara ghaib tentulah aku membuat kebajikan sebanyak-banyaknya dan aku tidak ditimpa kemudaratannya. Aku tidak lain hanyalah memberi peringatan dan membawa berita gembira bagi kaum yang beriman.”

(Surah al-A'raf : ayat 188)

Sebagai Muslim, kita wajib beriman bahawa Muhammad bin Abdullah adalah Nabi dan Rasul, seorang hamba pilihan Allah SWT. Baginda tidak pernah mensyirikkan Allah SWT. sekelip mata pun. Baginda tidak pernah melakukan dosa kecil, apa lagi dosa besar. Baginda adalah Nabi yang terakhir sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Akan tetapi ia (Muhammad) adalah utusan Allah SWT. Dan penyudah sekalian Nabi.”

(Surah al-Ahzab : ayat 40)

Sabda Nabi s.a.w. :

مثلي ومثل الأنبياء كمثل رجل بني بيتا فأحسنه وأجمله إلا موضع لبنة من زاوية من زواياه فجعل الناس يطوفون ويعجبون له ويقولون : هلا وضعت هذه اللبنة وأنا خاتم النبيين. متفق عليه واللفظ لمسلم.

Maksudnya :

” Perbandingan aku dengan para Nabi adalah seperti seorang lelaki yang membina sebuah binaan, ia memperelokkan binaan itu, melainkan d itempat sekeping bata di salah satu penjurunya. Lalu datanglah manusia mengelilingi binaan itu dan tertarik kepadanya sambil berkata : alangkah baiknya engkau letakkan bata ini! Baginda menjawab : sayalah sebagai bata ini dan sayalah penyudah sekalian Nabi.”

Dan sabdanya lagi :

أنا م حمد وأنا أحمد وأنا الماحي الذي يمحي بي الكفر وأنا الحاشر الذي يحشر الناس على عقبي وأنا العاقب، والعاقب الذي ليس بعده نبي. متفق عليه واللفظ مسلم

Maksudnya :

” Saya ialah Muhammad (yang dipuji), saya Ahmad (yang terpuji), saya al-Mahi (penghapus) yang denganku dihapuskan kekufuran, saya al-Hasyir (yang menghimpun) yang akan dihimpun manusia selepasku dan saya al-‘Akib, yakni penyudah yang tidak ada nabi selepasnya.”

Seterusnya Allah SWT. telah mengurniakan kepada para rasul beberapa keistimewaan, keutamaan, kelebihan dan mengurniakan mereka akhlak yang melayakkan mereka untuk menerima wahyu Allah SWT. dan menanggung bebanan risalah demi menjadi contoh dan suri teladan yang akan diikuti oleh manusia dalam urusan agama dan dunia. Kerana itu wajiblah kita beriman bahawa para Rasul terpelihara dari sebarang kekurangan yang mencacatkan ketaatan dan kepatuhan mereka kepada Allah SWT. atau yang mencacatkan kemampuan mereka dalam menyampaikan risalah yang mereka tanggung.

Kita seterusnya wajib beriman bahawa Allah SWT. telah menyempurnakan akhlak mereka dengan sifat amanah, fatanah, tabligh dan akhlak-akhlak lain yang mesti dimiliki dalam menunaikan kewajipan kepada Allah SWT. (Dar al-Ifta’ 2020) Ketinggian dan kemuliaan akhlak mereka dijelaskan Allah SWT. dalam dalam firman-Nya misalnya tentang Nabi Ismail a.s. yang bermaksud:

” Sesungguhnya ia (Nabi Ismail) adalah seorang yang benar janji dan ia adalah seorang Rasul dan Nabi.”

(Surah Maryam : ayat 54)

Dan firman Allah SWT. mengenai Nabi Ibrahim a.s. yang bermaksud:

”Ceritakanlah kepada mereka wahai Muhammad) kisah Ibrahim yang tersebut dalam kitab al-Quran) ini, sesungguhnya ia adalah seorang yang sangat benar lagi seorang Nabi.”

(Surah Maryam: ayat 41)

Rasul Model Pendidikan Rabbani Abad 21

Generasi rabbani abad ini hakikatnya perlu dibentuk dengan acuan kenabian – iaitu generasi yang menguasai ilmu, teknologi, dan kemahiran abad ke-21, namun tetap berpaksaan nilai ketuhanan. Rasulullah SAW menjadi inspirasi utama dalam membentuk insan yang seimbang antara intelek dan spiritual, dunia dan akhirat. Para rasul merupakan pendidik dan murabbi umat. Mengikuti sunnahnya dan mentaati perintahnya akan membawa kepada kebahagiaan dan kesejahteraan sebaliknya mengingkari ajarannya mengundang kerosakan dan kebinasaan hidup di dunia dan akhirat.

Rasul Teladan Akhlak Terpuji

Para rasul merupakan contoh teladan kepada umat manusia. Mereka adalah natijah atau buah iman yang perlu dicontohi demi kesejahteraan abadi. Banyak lagi ayat-ayat al-Quran yang membuktikan bahawa mereka bersifat dengan benar dan mendapat petunjuk dari Allah SWT. Dan wajib pula kita beriman bahawa Allah SWT. telah membantu mereka dengan mukjizat-mukjizat yang terang dan tanda-tanda yang jelas membuktikan kebenaran mereka sebagai pembawa ajaran Allah SWT.

Allah SWT mengutus para rasul dan menceritakan kemuliaan dan ketinggian akhlak mereka dalam al-Quran bertujuan menjadi motivasi dan teladan dalam kehidupan. Kesabaran Nabi Ayyub adalah salah satu kisah Al-Qur'an yang patut diteladani oleh orang-orang Islam. Karena kisah tersebut mengajarkan mereka tentang bagaimana seharusnya seseorang menghadapi berbagai macam cobaan dari Allah Swt. Bahkan ia disebut-sebut sebagai hamba yang paling baik karena kesabaran, keimanan dan ketakwaan yang dimilikinya. Allah berfirman:

وَحُذِّ بِيَدِكَ ضِعْفًا فَاضْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْنُتْ إِنَّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا نِعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ ۝ ٤٤

Maksudnya :

"Dan ambillah seikat (rumpun) dengan tanganmu, lalu pukullah dengan itu dan janganlah engkau melanggar sumpah. Sesungguhnya Kami dapati dia (Ayyub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sungguh, dia sangat taat (kepada Allah)"

. (Surah al- Shad : ayat 44)

Al-Quran mengisahkan bahwa nabi Ayyub adalah seorang nabi dan rasul Allah yang sangat kaya dan taat beribadah kepada-Nya. Setiap hari ia gunakan untuk mensyukuri nikmat Allah melalui ibadah puasa, sembahyang dan bermunajat kepada-Nya. Ia juga selalu menyedekahkan harta benda yang dimilikinya untuk meraih keridaan dan kecintaan Allah Swt.

Kisah kesabaran nabi Ayyub dapat ditemukan pada dua tempat, yakni QS. Al-Anbiya: 83-84 dan QS. Shad: 41-44. Kedua bagian ayat ini sama-sama bercerita tentang cobaan yang ditimpakan oleh Allah kepada nabi Ayyub untuk menguji keimanan dan ketakwaannya. Cobaan tersebut terdiri dari penyakit, kehilangan harta dan ditinggal sanak saudara (keluarga). Karena ketabahan Ayyub as, Allah lalu mengembalikan semua nikmat yang telah diambil-Nya.

Menurut Umar Sulaiman Al-Asyqor dalam buku *Sahih al-Qashash*, kisah kesabaran nabi Ayyub diceritakan Al-Qur'an selain berfungsi sebagai pelajaran tentang kesabaran bagi umat Islam, kisah tersebut juga bertujuan untuk menghibur orang-orang yang sedang ditimpa musibah, baik pada diri mereka, keluarga maupun harta. Dengan demikian, mereka sadar bahwa semua manusia bahkan seorang nabi juga mengalami ujian daripada Allah. Kisah Nabi Ayyub

AS dan kisah-kisah lain para rasul sekiranya dihayati akan dapat meningkatkan ketaqwaan dalam diri seorang Mukmin pada masa kini.

Jelasnya banyak kisah-kisah ketaqwaan dan kesabaran para rasul yang diceritakan Allah misalnya kisah Nabi Ibrahim AS, kisah Nabi Sulaiman AS, kisah Nabi Daud AS, kisah Nabi Yunus AS, kisah Nabi Muhammad SAW dan ramai lagi. Tujuannya tidak lain adalah menanamkan sifat taqwa dan sabar, cinta akhirat dalam diri umat Islam.

Rasul Mengukuh Semangat Dakwah dan Tabah Menghadapi Cabaran

Para rasul memikul tanggungjawab dakwah atau amanah amar makruf nahi mungkar sebagaimana diperintahkan Allah SWT. Allah menceritakan pelbagai cabaran dan kesukaran yang dilalui para rasul khususnya rasul ulul azmi agar menjadi contoh dan sumber inspirasi kepada orang Mukmin. Misalnya firman Allah :-

Maksudnya :

"Mereka (menolak dengan) berkata: "Wahai Musa, sesungguhnya kami tidak akan memasuki negeri itu selama-lamanya selagi kaum itu masih berada di dalamnya; oleh itu pergilah engkau bersama Tuhanmu dan perangilah mereka. Sebenarnya kami di sinilah duduk menunggu".

(Surah al Maidah : ayat 24)

Ayat di atas menceritakan kesabaran Nabi Musa AS menghadapi kaum Bani Israel yang sombong dan ingkar kepada perintah Nabi Musa agar keluar berjihad. Malahan dengan angkuhnya menyuruh Nabi Musa berjihad dengan Allah dan mereka hanya menunggu berita peperangan itu. Kisah ini seharusnya menjadi teladan kepada orang Mukmin untuk istiqamah dan berteguh hati melaksanakan kerja-kerja dakwah tanpa jemu dan putus asa sebagaimana sabarnya Nabi Musa AS berdepan dengan kerenah dan kedegilan kaumnya.

Al-Quran turut menceritakan keteguhan Nabi Isa AS menghadapi kedegilan kaumnya serta kesabaran golongan hawariyyun iaitu pengikut setia Nabi Isa AS berganding bahu dengan baginda melaksanakan kerja-kerja amar makruf nahi mungkar. Firman Allah SWT :

Maksudnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembela-pembela (agama) Allah sebagaimana (keadaan penyokong-penyokong) Nabi Isa ibni Maryam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya itu: "Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan agamaNya)?" Mereka menjawab: "Kamilah pembela-pembela (agama) Allah!" (Setelah Nabi Isa tidak berada di antara mereka) maka sepuak dari kaum Bani Israil beriman, dan sepuak lagi (tetap) kafir. Lalu Kami berikan pertolongan kepada orang-orang yang beriman untuk mengalahkan musuhnya, maka menjadilah mereka orang-orang yang menang"

(Surah al-Saff : ayat 14)

Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah yang terakhir kepada manusia juga melaksanakan dakwah atau amar makruf nahi mungkar dengan komitmen yang tinggi sebagaimana firman Allah SWT :

“... iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.

(surah al A'raf : ayat 157)

Berdasarkan ayat di atas, jelaslah kepada kita bagaimana Allah menerangkan peranan dan tanggungjawab para rasul dan Nabi Muhammad SAW melaksanakan amar makruf nahi mungkar, menghalalkan perkara dan benda yang baik dan mengharamkan menghapuskan belunggu dosa daripada mereka. Mereka merupakan teladan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial iaitu membimbing kepada kehidupan bermasyarakat yang harmonis melalui usaha dakwah berterusan. Allah juga menjanjikan kejayaan hidup kepada manusia yang beriman, membantu, memuliakan dan mengikuti ajaran yang dibawa oleh Baginda SAW. Perkara ini jika dihayati dan diamalkan akan menyuburkan tanggungjawab melaksanakan dakwah dalam diri setiap mukmin seterusnya membantuk membentuk generasi Rabbani yang diharapkan.

Rasul dan Kepimpinan Unggul

Nabi SAW memiliki keutamaan yang tinggi sehingga Allah SWT dan para malaikat mendoakan kesejahteraan kepada baginda dan Allah perintahkan orang Mukmin berselawat kepadanya. Allah juga mengurniakan syafaat teragung kepada baginda untuk ummatnya. (Iman al-Sanusi, 895H) Demikianlah beruntungnya orang-orang Mukmin yang menghayati hakikat keimanan dan kecintaan kepada baginda melalui ucapan selawat dan menghayati sunnahnya.

Baginda SAW merupakan contoh unggul kepimpinan Islam. Setelah berhijrah dari Makkah ke Madinah, baginda bukan sekadar pemimpin agama, tetapi juga adalah ketua negara, hakim, panglima tentera. Umat Islam di madinah adalah bukti bagaimana Rasulullah SAW berjaya membina sebuah masyarakat yang berteraskan iman, keadilan dan penyatuan kasih-sayang. Masjid Nabawi dibina sebagai pusat pemerintahan, pendidikan dan perpaduan bukan semata tempat ibadah. Baginda memimpin dengan sifat empati, kasih sayang dan keprihatinan yang tinggi sebagaimana disebutkan Allah dalam firmanNya yang bermaksud :

“ Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul daripada kalangan kamu, terasa berat dihatinya segala kesusahan dan penderitaan kamu, sangat mengambil berat tentang masalah kamu dan sangat kasih kepada orang-orang beriman”.

(Surah al-Taubah : ayat 128)

Berdasarkan ayat ini jelas dapat difahami bahawa Nabi Muhammad SAW memiliki sifat empati yang tinggi sebagai pemimpin, mempunyai kasih-sayang dan keprihatinan yang dipuji. Inilah nilai utama yang wajar dicontohi dan perlu diterapkan dalam kehidupan sehari-hari. Orang-orang yang benar iman dan kecintaannya kepada baginda akan secara langsung terhas pada diri

mereka akhlak terpuji seperti prihatin, kasih sayang, suka menolong dan meringankan beban sesama Islam. Inilah ciri-ciri pemimpin yang unggul dan sekaligus membentuk individu rabbani yang mampu memberi manfaat kepada sesama manusia. Sekiranya seluruh umat Islam memiliki sifat-sifat murni ini maka sudah tentu kehidupan manusia di dunia penuh dengan keharmoniaian dan kesejahteraan.

Rasul dan Penyucian Jiwa

Penyucian jiwa atau *tazkiyah al-nafs* bukanlah satu perkara mudah untuk dilaksanakan oleh seseorang. Usaha membersihkan jiwa hakikatnya merupakan mujahadah yang besar kerana melibatkan aspek dalaman manusia. Banyak halangan yang terpaksa dilalui. Kerana itu, untuk menjayakannya, di samping menuntut kesungguhan yang maksimum, ia juga tertakluk kepada limpah kurnia dan rahmat Allah sebagaimana firman Allah :-

Maksudnya:” ... dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorompok di antara kamu menjadi bersih daripada dosanya selama-lamanya...”

Al-Qur'an secara jelas menyatakan bahawa *tazkiyyah al-nafs* atau penyucian jiwa adalah satu proses sangat penting malah ia merupakan salah satu tugas utama perutusan baginda Rasulullah SAW. Hal ini dapat kita fahami berdasarkan beberapa firman Allah antaranya :-

“Dialah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menyucikan mereka dan mengajarkan kepada mereka Kitab dan Hikmah.” (Surah al-Jumu'ah, 62:2)

Doa Nabi Ibrahim a.s menjelaskan keutamaan aspek *tazkiyyah al-nafs* dalam perjalanan keseluruhan kehidupan manusia sebagaimana Firman-Nya :-

رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ (١٢٩)

Maksudnya :

“Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayatMu (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. “(129)

(Surah al-Baqarah : ayat 129)

Al-Qur'an seterusnya menjelaskan bahawa kejayaan (al-Falah) hidup manusia di dunia dan akhirat adalah dikaitkan dengan *tazkiyyah al-nafs* sebagaimana firmanNya:-

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا (٧) فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا (٨) قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا (٩) وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا (١٠)

Maksudnya :

“Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); (7) Serta mengilhamkannya (untuk mengenal)

jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa; (8) Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), (9) Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran)".

(Surah al Syams : ayat 7-8)

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa Umat Islam perlu bersedia menghadapi cabaran abad 21 dengan akidah dan pegangan iman yang kukuh. Iman yang teguh hanya dapat dicapai melalui penghayatan kepada pendidikan Iman berpaksikan al-Quran dan Sunnah. Natijah daripada penghayatan iman kepada para rasul akan terbina elemen-elemen positif dan baik dalam diri seorang Muslim sehingga mampu menjadi insan rabbani yang unggul. Antara elemen positif tersebut adalah pengukuhan akhlak mulia dan ketaqwaan, pemerkasaan semangat dakwah, pengukuhan nilai kepimpinan positif serta penyuburan penyucian jiwa. Keimanan yang utuh kepada para rasul akan mampu menanamkan kecintaan umat Islam kepada mereka seterusnya menjadikan sirah mereka teladan dalam kehidupan di dunia ini.

Penghargaan

Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah(UnIPSAS) atas segala sokongan dalam meningkatkan ilmu penulisan artikel dan penyelidikan kepada kami sebagai tenaga akademik.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Ab Rashid, A. M., Harisb, A. S. A., Naw, M. F. M., Zainid, F., & Bahru, U. T. M. J. (2019). Impak Globalisasi terhadap Pendidikan di Malaysia dan Strategi Menghadapinya. *Conference Proceedings of International Seminar on Global Issues (ISGI 2019)*, 195.
- Abdullah, W. A. A. W., Razak, K. A., & Hamzah, M. I. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam and Civilization (Acer-j)*. EISSN2600-769X, 4(1), 63–74.
- Arda, M. (2020). Peranan ulama dalam melestarikan pendidikan akidah Islamiyyah di era revolusi industri 4.0. *Jurnal Al-Sirat*, 2(18).
- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., & Zainuddin, N. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial Dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 118–129.
- Darawi, M. A. A. M., & Kamarudin, K. (2018). Manhaj Akidah Imam al-Syafie Dalam Novel Rimba Jiwa dan Qalam Kalbu: Manhaj of Imam al-Syafie Faith in Rimba Jiwa and Qalam Kalbu. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 289–301.
- Ibrahim, N., & Yasin, M. H. M. (2022). *Metode Muaddib: Integrasi Akhlak Rasulullah dalam Pengajaran Pemulihan Khas Berorientasi Reka Bentuk Pembelajaran Sejahtera (UDL)*.
- Mat Hussin, M. N., Daud, M. Z., Noor, R. M., & Omar, A. C. (2023). KAJIAN ISU-ISU BERKAITAN PEMELIHARAAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA. *Malaysia Journal Syariah & Law*, 11(2).
- Muhamad Zaki, Z., & Syed Salim, S. S. (2022). Pengaruh Pengetahuan Akidah Terhadap Amalan Solat Fardu: Tinjauan Terhadap Pelajar Sekolah Menengah Daerah Seremban, Negeri Sembilan. *Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains 2022, December*, 95–107. https://www.researchgate.net/profile/Noor-Osman-2/publication/366658805_ESSENTIAL_SKILLS_FOR_LAW_STUDENTS_AND_JUNIOR_LAWYERS_IN_MALAYSIA_E-Proceedings_SAIS_281222/links/63ad64cea03100368a399677/ESSENTIAL-SKILLS-FOR-LAW-STUDENTS-AND-JUNIOR-LAWYERS-IN-MALAY
- Nawi, A., Samah, N. A., Yaakob, M. F. M., Yusof, M. R., Othman, M. K., Makhsin, M., & Zameran, F. A. (2023). ISU DAN MASALAH DALAM PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(4), 41–55.
- Nawi, N. H. M. (2012). *Islamisasi kurikulum pendidikan Islam di institusi pendidikan guru: tribulasi dan cadangan*.
- Norliza Hamzah, H. A. (2021). Pendidikan Nilai-Nilai Islam Dalam Pembentukan Keperibadian Murid. *Jurnal Peradaban Melayu*, 4271, 22–33. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/5235/3126>
- Nuruddin, N. A. H. H. (2022). A Study Of The Future And Its Relationship To The Development Of The Digital People: Kajian Masa Depan Dan Hubungannya Dengan Pembangunan Umat Digital. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 71–79.
- Osman, S. F., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Embong, W. H. (2020). Kefahaman Guru Pendidikan Islam Tentang Kemahiran Pemikiran Kritis Dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(29), 130–140.
- Othman, M. S. (2019). Kepentingan pelaksanaan pedagogi Pendidikan Islam melalui kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat memenuhi aspirasi falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal'Ulwan*, 3(1), 58–69.
- Rahman, M. N. A., Aripin, N., Ismail, A., Ishak, M. S., Rahman, N. A. A., Madon, M.,

- Mustaffa, M. F., & UUM, P. P. U. U. M. (n.d.). *PENCARIAN DAN PEMAHAMAN MAKLUMAT BERKAITAN AQIDAH MELALUI YOUTUBE DALAM KALANGAN GENERASI MUDA ISLAM: SATU KAJIAN TERHADAP PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA*.
- Ruzairi, R., & Jasmi, K. A. (n.d.). *Akhlaq dan Adab Generasi Muda Kini*.
- Sahrin, S., & Ghani, M. Z. A. (2022). Pendekatan Al-Muaddib dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam: Al-Muaddib's Approach in The Teaching and Learning of Islamic Education Teachers. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 241–259.
- Sallam, A. M. S. E., Serour, R. O. H., & Abdou, M. E. M. (2021). Kesukaran Mempelajari Subjek Akidah Bagi Bukan Penutur Bahasa Arab: Realiti Dan Harapan, Pelajar Pengajian Islam Unishams Sebagai Sampel. *AL-HIKMAH: INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES AND HUMAN SCIENCES*, 4(2), 23–55.
- Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2017). Cabaran Pendidikan Islam di Era Media Sosial: Challenges of Islamic Education in Social Media Era. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 37–43.